

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [ BESUT ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah 73 orang Ketua Pegawai Eksekutif yang masih menyumbang khidmat dalam program CEO@Faculty; dan apakah usahausaha terbaharu Kementerian menarik lebih ramai CEO menyertai program ini pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian telah mewujudkan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan di Universiti Awam. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah Program CEO@Faculty Programme 1.0 dengan tema "*Learn From The Pros*" bertujuan untuk memperhebatkan penyertaan daripada pelbagai tokoh syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat multinasional (MNC) dalam industri-industri terkemuka. Tokoh-tokoh ini akan menyumbang perkongsian pengalaman dan kepakaran kepada warga universiti antara 20 hingga 30 jam dalam tempoh dua tahun pelantikan. Pada sesi 2019-2020 seramai 64 orang CEO telah bersetuju untuk memberikan komitmen dalam program ini. Para CEO telah berjaya melaksanakan sebanyak hampir 100 program yang merangkumi sehingga 1700 jam sehingga kini.

Antara impak positif *CEO@Faculty Programme* 1.0 dan 2.0 ialah pelajar berpeluang mengikuti program berkualiti yang berteraskan model pembelajaran berasaskan pengalaman (*experimental learning*) dan pembelajaran berasaskan teknologi (*technology-enabled learning*). Secara tidak langsung kebolehpasaran graduan dapat ditingkatkan melalui *first hand exposure* kepada pemain industri supaya graduan tersebut lebih bersifat global serta memiliki kemahiran berfikir kritikal dan kemahiran insaniah.

Sekian, terima kasih.